

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir, Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari / Mac 2003

YKT 212 – KOMUNIKASI DAN BUDAYA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab soalan **SATU [1]** dan **DUA [2]** soalan lain.

1. Beri takrifan kepada konsep berikut dengan menggunakan contoh tertentu:-
 - (a) masyarakat massa
 - (b) budaya kecil
 - (c) budaya melawan
 - (d) imperialisme budaya

[50 markah]
2. Nilai konsep budaya yang diutarakan oleh pemikir elit, golongan *Frankfurt School* dan sarjana pluralis. Beri contoh dalam perbincangan anda.

[25 markah]
3. Konsep hegemoni Gramsci dikatakan satu kemajuan kepada pemahaman Marx mengenai pengaruh kelas memerintah dalam sesebuah masyarakat. Bincang dengan contoh tertentu.

[25 markah]
4. Budaya nasional penting dalam usaha membentuk satu masyarakat harmonis dan juga mencapai kemajuan material. Bincang secara kritis dengan mengambil Malaysia sebagai contoh.

[25 markah]

...2/-

- 2 -

5. Penswastaan televisyen di Malaysia membuka peluang besar dari segi penjanaan pelbagai program, mesej dan juga pendemokrasian komunikasi. Bincang pernyataan ini dengan menghubungkaitkan faktor pemilikan dan kawalan media.

[25 markah]

6. Muzik popular adalah wadah bagi pergelutan ideologi antara kelas dominan dan kelas subordinat. Bincang dakwaan ini dengan mengambil kira perdebatan yang berkisar pada budaya popular.

[25 markah]

- ooo O ooo-